

Tel: +(6)07-5530086 Faks: +(6)07-5582877/5566166/5530575 <http://assets.utm.my>

RUJUKAN KAMI :

UTM.J.05.01/16.11/

RUJUKAN TUAN :

September , 2018

Kepada,

.....
.....
Tuan,

SEBUTHARGA BAGI :

**CADANGAN KERJA NAIKTARAF RUANG DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,
JOHOR BAHRU, JOHOR**

Sebutharga adalah dipelawa daripada Penyebut Harga yang berdaftar dengan LPIPM/CIDB, PKK atau Kementerian Kewangan* dan Sistem Pendaftaran Kontraktor (UTMfin) seperti berikut;-

- i) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
- ii) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)
Gred : **G1**
Kategori : **B (Pembinaan Bangunan)**
Pengkhususan : **B04 (Kerja Am Bangunan)**
- iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) (*jika berkenaan*)
- iv) Sijil Pendaftaran Kontraktor (UTMfin)
- v) ~~Sijil Kementerian Kewangan:~~

Borang Sebut Harga yang telah siap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri bertanda **PHB/LT/BP/33025/2 /2018** dan dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di **(alamat PTJ)** sebelum atau _____ jam 12.00 tengahari.

Syarat-Syarat Sebut Harga, Syarat-Syarat Tambahan, Spesifikasi/Skop Kerja, Borang Sebut Harga, Ringkasan Sebut Harga, Pecahan Harga dan Maklumat Penyebut Harga dikembarkan bersama-sama ini.

Naskah Sebut Harga ini dijual dengan harga sebanyak **RM4.00/naskah (dalam bentuk Wang Tunai/ Wang Pos/Bank Draf)**

Pihak UTM tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah sekali atau mana-mana Sebut Harga lain.

Sekian, terima kasih

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(Nama & Jawatan PTJ)

* Sila potong yang tidak berkenaan

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
JOHOR BAHRU, JOHOR**

SYARAT – SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjexas sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

- 2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja* (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebut Harga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.
- 2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah Fasal 11.1 (iv).
- 2.3 Tempoh sahlaku Polisi-polisi insurans hendaklah meliputi tempoh sehingga tiga **(3) bulan** dari tarikh tamat tempoh Liabiliti Kecacatan yang diperakukan.

3. BON PERLAKSANAAN

- 3.1 Bagi kerja yang kosnya antara RM20,000.00 hingga RM500,000.00 Kontraktor perlu menyediakan Bon Perlaksanaan sebanyak 5% dari harga Sebut Harga dan Kontraktor dibenarkan memilih cara-cara penyediaan seperti berikut:-
 - (i) Wang Jaminan Perlaksanaan iaitu wang yang dikumpul melalui potongan bayaran Sebut Harga.
 - (ii) Jaminan Bank/Insurans yang diluluskan.

- (iii) Menyediakan wang tunai/Bank Deraf, 5% dari jumlah Sebut Harga.

Bon Perlaksanaan hendaklah ditetapkan sah dan berkuatkuasa bagi tempoh sehingga tiga (3) bulan selepas tamat Tempoh Liabiliti Kecacatan.

- 3.4 Jika Kontraktor tidak melaksanakan Kontrak atau melakukan apa-apa perlanggaran terhadap obligasinya di bawah Sebut Harga ini, Pegawai Inden bagi pihak Universiti Teknologi Malaysia boleh menggunakan dan membuat bayaran atau potongan daripada Bon Perlaksanaan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya mengikut terma-terma Sebut Harga ini.
- 3.5 Bon Perlaksanaan (atau apa-apa bakinya yang masih ada untuk Kredit Kontraktor) hendaklah dilepaskan atau dipulangkan kepada Kontraktor apabila siap membaiki semua kecacatan, kekecutan atau kerosakan-kerosakan lain yang mungkin kelihatan semasa Tempoh Liabiliti Kecacatan dan setelah diberi Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan bagi seluruh kerja.

5. ARAHAN PEGAWAI INDEN

- 5.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya yang mutlak, dan dari semasa ke semasa, mengeluarkan pelan-pelan, butir-butir, dan/atau arahan-arahan bertulis selanjutnya (yang kesemuanya sekali kemudian dari ini disebut “ arahan P.I.” berkenaan dengan :
- (i) Perubahan sebagaimana disebutkan dalam Fasal 15 Syarat-syarat ini;
 - (ii) Pemindahan dan pembaikan apa-apa jua kecacatan di bawah Fasal 16;
 - (iii) Apa-apa perkara yang perlu dan bersampingan dengan perlaksanaan dan penyiapan Kerja di bawah Sebut Harga ini;
 - (iv) Apa-apa perkara yang mengenainya P.I. diberi kuasa secara nyata oleh Sebut Harga ini untuk mengeluarkan arahan.
- 5.2 Kontraktor hendaklah, (tertakluk kepada subfasal 5.3 Syarat ini) dengan serta-merta mematuhi semua arahan yang dikeluarkan kepadanya oleh P.I. Jika dalam tempoh tujuh (7) hari setelah menerima notis bertulis daripada P.I. yang menghendaki pematuhan sesuatu arahan dan Kontraktor tidak pula mematuhi arahan itu, maka P.I. tanpa menjelas apa-apa hak dan remedи lain yang ada pada UTM di bawah Sebut Harga ini, boleh mengambil bekerja dan membayar orang-orang lain untuk melaksanakan apa-apa jua kerja yang perlu untuk menyempurnakan arahan itu dan semua kos yang ditanggung berhubungan dengan pengambilan kerja itu hendaklah dituntut daripada Kontraktor oleh UTM atau P.I. bagi pihak UTM sebagai suatu hutang atau pun boleh dipotong oleh UTM daripada mana-mana wang yang kena dibayar atau genap masanya dibayar kepada Kontraktor di bawah Sebut Harga ini.

- 5.3 Semua arahan yang dikeluarkan oleh P.I. hendaklah secara bertulis. Apa-apa arahan yang dikeluarkan secara lisan tidak boleh terus berkuatkuasa, tetapi hendaklah disahkan secara bertulis oleh Kontraktor kepada P.I. dalam tempoh tujuh (7) hari selepas penerimaan arahan lisan seperti tersebut di atas, dan jika tidak dibantah secara bertulis oleh P.I. kepada Kontraktor dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan pengesahan Kontraktor itu, maka arahan itu hendaklah berkuatkuasa mulai dari tamatnya tempoh tujuh (7) hari yang disebut kemudian itu.
- 5.4 Dengan syarat sentiasanya bahawa jika P.I. dalam tempoh tujuh (7) hari selepas memberi arahan secara lisan itu dengan sendiri mengesahkannya secara bertulis, maka Kontraktor tidaklah diwajibkan memberi pengesahan seperti tersebut di atas, dan arahan tersebut hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh pengesahan P.I. itu.
- 5.5 Jika pematuhan kepada arahan P.I. sebagaimana tersebut di atas melibatkan perbelanjaan atau kerugian lebih daripada yang dijangka munasabahnya oleh Kontraktor yang mana Kontraktor tidak akan dibayar ganti melalui bayaran yang dibuat di bawah mana-mana peruntukan lain dalam Sebut Harga ini, maka melainkan jika arahan itu dikeluarkan oleh sebab sesuatu langgaran terhadap Kontrak ini oleh Kontraktor, Kontraktor hendaklah dalam tempoh satu (1) bulan selepas menerima arahan itu, memberi notis secara bertulis tentang cadangannya hendak menuntut perbelanjaan atau kerugian itu kepada P.I. berserta anggaran amaun perbelanjaan dan/atau kerugian tersebut.

6. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 21.1 Syarat-syarat ini.

7. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

8. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

- 8.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam Spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang

kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

- 8.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 8.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam Spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

9. RINGKASAN SEBUT HARGA

- 9.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 9.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 9.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah Sebut Harga atau dalam tempoh Kerja.
- 9.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- 9.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 9.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaan yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaan jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 9.6 Sekiranya Sebut Harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga Sebut Harga diselaraskan.

10. PERANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 10.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehingga siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhan sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan

syarat bahawa tujuan dan maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.

- 10.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

11. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

- 11.1 Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:

- (i) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (ii) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (iii) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (iv) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (v) Apabila Kontraktor diisyiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

- 11.2 Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan, maka Pegawai Inden boleh memberi kepadanya suatu notis yang dihantar dengan pos berdaftar atau dengan serah hantaran yang direkodkan menyatakan kemungkiran itu, dan jika Kontraktor sama ada meneruskan kemungkiran itu selama tujuh (7) hari selepas penerimaan notis itu atau pada bila-bila masa selepas itu mengulangi kemungkiran itu (sama ada pernah diulangi dahulunya atau tidak), maka Pegawai Inden boleh dengan demikian melalui suatu notis yang dihantar dengan pos berdaftar atau dengan serah-hantar yang direkodkan menamatkan pengambilan kerja Kontraktor dibawah Sebut Harga ini.

12. BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

13. KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA

- 13.1 Apabila didapati dengan munasabahnya jelas bahawa kemajuan kerja telah terlambat, Kontraktor hendaklah dengan serta-merta memberi notis bertulis menyatakan sebab-sebab kelambatan kepada Pegawai Inden dan jika pada pendapat Pegawai Inden penyiapan kerja itu

mungkin dilambatkan atau telah terlambat melebihi tarikh siap yang dinyatakan dalam Inden atau melebihi mana-mana tarikh siap lanjutan yang telah ditetapkan dahulunya di bawah Syarat ini :-

- (a) Oleh kerana *force majeure*, atau
 - (b) Oleh sebab apa-apa keburukan cuaca yang luar biasa, atau
 - (c) Oleh sebab arahan-arahan yang diberi oleh Pegawai Inden, berbangkit dari pertikaian dengan tuan-tuan punya berjiran dengan syarat ianya tidak disebabkan oleh apa-apa perbuatan kecuaian atau kemungkiran di pihak Kontraktor.
 - (d) Oleh sebab kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh mana-mana satu atau lebih dari perkara luar jangka, atau
 - (e) Oleh sebab arahan-arahan Pegawai Inden, atau
 - (f) Oleh sebab Kontraktor telah tidak menerima maklumat yang lengkap dalam masa yang wajar daripada Pegawai Inden, atau
 - (g) Oleh sebab kelambatan memberi milik tapak, atau
 - (h) Oleh sebab apa-apa tindakan yang berpunca dari penyatuan pekerja-pekerja setempat, mogok atau tutup-pintu yang melibatkan mana-mana tred yang digunakhidmat atas kerja, dengan syarat ianya bukan disebabkan oleh apa-apa perbuatan, kecuaian atau kemungkinan yang tidak berpatutan di pihak Kontraktor, atau
 - (i) Oleh sebab kelambatan di pihak artisan, tukang-tukang atau orang-orang lain yang ditugaskan oleh Universiti Teknologi Malaysia bagi melaksanakan kerja yang tidak menjadi sebahagian dari Sebut Harga ini, atau
 - (j) Oleh sebab Kontraktor tidak berupaya kerana sebab-sebab yang tidak dapat dikawal olehnya dan yang tidak dapat diramalkan olehnya dengan munasabahnya pada tarikh penutupan Sebut Harga bagi Sebut Harga ini untuk mendapatkan apa-apa barang dan/atau bahan yang diperlukan untuk menjalankan kerja dengan sewajarnya.
- 13.2 Maka Pegawai Inden hendaklah, sebaik sahaja memberi satu tempoh lanjutan masa yang munasabah dan Kontraktor hendaklah sentiasa berusaha sedaya-upaya menyiapkan kerja dengan memuaskan hati Pegawai Inden Perakuan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden di bawah Syarat ini hendaklah disebut “Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa”.

14. GANTIRUGI KERANA TAK SIAP

- 14.1 Sekiranya Kontraktor gagal menyiapkan kerja pada tarikh siap dalam tempoh masa yang telah ditetapkan atau tempoh lanjutan masa yang

diberikan, denda sebagai gantirugi kerana tidak siap kerja akan dikenakan sebagaimana di bawah :

<u>HARGA SEBUT HARGA</u>	<u>KADAR GANTIRUGI/HARI</u>
(a) RM20,001.00 - RM50,000.00	RM20.00
(b) RM50,001.00 - RM100,000.00	RM30.00
(c) RM100,001.00 - RM200,000.00	RM50.00
(d) RM200,001.00 - RM500,000.00	RM80.00

Perakuan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden di bawah Syarat ini hendaklah disebut “Perakuan Kerja Sebut Harga Tidak Siap”.

- 14.2 Gantirugi akan dikenakan sehingga semua kerja disiapkan atau Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Pegawai Inden atau wakilnya berhak memotong denda gantirugi ini dari apa-apa wang yang akan dibayar kepada Kontraktor.

15. KERJA PERUBAHAN

- 15.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.
- 15.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan Kontraktor hendaklah digunakan.

16. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

- 16.1 Kontraktor disyaratkan supaya bertanggungjawab untuk memperbaiki segala kerosakan dalam tempoh masa kecacatan yang disebabkan mutu bahan binaan atau kecuaian semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan. Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi Sebut Harga adalah seperti di bawah bermula dari tarikh kerja diperakukan siap :
- (a) Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrikal - dua belas (12) bulan.
- (b) Bagi kerja-kerja selain kerja-kerja mekanikal dan elektrikal yang kosnya antara RM20,001.00 hingga RM100,000.00 - enam (6) bulan.
- (c) Bagi kerja-kerja selain kerja-kerja mekanikal dan elektrikal yang kosnya melebihi RM100,000.00 - dua belas (12) bulan.

- 16.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati Sebut Harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 16.3 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor, atau jika baki itu tiada atau tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan.

17. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

18. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja bagi sebut harga yang melebihi RM20,000.00 sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

19. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiiki Kecacatan bagi sebut harga yang melebihi RM20,000.00 sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

20. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhaninya dengan syarat-syarat ini.

21. TINDAKAN TATATERTIB

21.1 Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya :-

Bil.	Jenis Kesalahan	Tindakan UTM
1.	Pemalsuan atau pindaan maklumat/dokumen bagi tujuan menyertai sebut harga atau mendapat kontrak	Digantung selama dua (2) tahun untuk sebarang penyertaan sebut harga di UTM
2.	Menarik diri sebelum keputusan sebut harga	Digantung selama satu (1) tahun untuk sebarang penyertaan sebut harga di UTM
3.	Menarik diri setelah kontrak ditawarkan	Digantung selama dua (2) tahun untuk sebarang penyertaan sebut harga di UTM
4.	Lain-lain kesalahan yang berkaitan dengan syarat-syarat Kontrak dan syarat-syarat Sebut Harga	Surat amaran
5.	Kegagalan memulakan kerja tanpa alasan yang munasabah selepas tujuh (7) hari dari tarikh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden	Ditamatkan kontrak
6.	Ditamatkan Kontrak	Digantung selama dua (2) tahun untuk sebarang penyertaan sebut harga di UTM

22. PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

- 22.1 Kontraktor adalah dikehendaki menyedia dan melaksanakan langkah-langkah keselamatan/kesihatan (health and safety) ditapak bina yang perlu dan mencukupi mengikut keperluan Akta 514 Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Peraturan (1994) dan Akta 139 Kilang dan Jentera dan Peraturan (1967) dan langkah-langkah lain yang perlu sebagaimana Arahan Pegawai Inden seperti berikut :
- (a) Peralatan perlindungan diri yang lengkap dan sesuai dengan kerja yang hendak dilaksanakan
 - (b) Pita keselamatan dan papan tanda keselamatan untuk mengasingkan kawasan kerja dengan kawasan laluan
 - (c) Mempunyai lesen kompeten pengendalian jentera atau peralatan dan sijil perakuan mesin
- 22.2 Kontraktor dikehendaki melantik Penyelia Keselamatan di tapak bina yang kompeten sekurang-kurangnya mempunyai pengalaman kerja

minimum dua (2) tahun dan hendaklah berada di tapakbina tidak kurang dari lima belas (15) jam seminggu bagi kerja seperti berikut :

- (a) Nilai sebut harga melebihi RM100,000.00 atau
- (b) Tempoh siap kerja melebihi enam (6) minggu atau
- (c) Dalam hal-hal lain, pengecualian keperluan Penyelia Keselamatan adalah tertakluk kepada kelulusan Pegawai Inden.

23. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

- 23.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.
- 23.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 22 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil berkaitan yang diluluskan oleh:
 - (i) Suruhanjaya Tenaga
 - (ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
 - (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
 - (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
 - (v) Pihak Berkuasa Tempatan

23. PENALTI

UTM boleh mengenakan penalti bagi setiap ketidakpatuhan peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapakbina seperti yang dinyatakan di dalam Tatacara Bayaran Penalti.

24. DOKUMEN KONTRAK

Bagi sebut harga kerja yang tertakluk kepada peraturan khas oleh agensi seperti contoh JKPP yang mewajibkan kontrak formal perlu dibuat, UTM hendaklah menyediakan kontrak formal tersebut.

25. PERINGATAN MENGENAI RASUAH DAN *INTEGRITY PACT*

Kontraktor adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu para Kontraktor dikehendaki melengkapkan dan menandatangani Syarat-Syarat Tambahan:

- a) Peringatan Mengenai Rasuah; dan
- b) Pelaksanaan *Integrity Pact*.

**TAJUK SEBUT HARGA : CADANGAN KERJA NAIKTARAF RUANG DI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR
BAHRU, JOHOR**

NO. SEBUT HARGA : PHB/LT/BP/33025/2/2018

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

A) PERINGATAN MENGENAI RASUAH

- i) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Any act or attempt to corruptly offer or give, solicit or receive any gratification to and from any person in connection with this procurement is a criminal offence under the Anti-Corruption Act 1997.

- ii) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

If any person offers or gives any gratification to any members of the public service, the latter shall at the earliest opportunity thereafter lodge a report at the nearest office of the Anti Corruption Agency or police station. Failure to do so is an offence under the Anti-Corruption Act 1997.

- iii) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegah Rasuah 1997.

Without prejudice to any other actions, disciplinary action against a member of the public service and blacklisting of the contractor or supplier may be taken if the parties are involved with any act of corruption under the Anti-Corruption Act 1997.

- iv) Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barang dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan

awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Any contractor or supplier who makes a claim for payment in relation to this procurement although no work was carried out or no goods were supplied or no services rendered in accordance with the specifications and any member of the public service who certifies the claim commits an offence under the Anti Corruption Act 1997.

B) PELAKSANAAN INTEGRITY PACT

- i) Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida** bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat. PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga adalah seperti di Lampiran A. Surat Akuan Pembida dan Surat Perwakilan Kuasa adalah dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga.
- ii) Penyebut harga yang berjaya menandatangani **Surat Akuan Pembida Berjaya** bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akuan Pembida Berjaya adalah seperti di Lampiran B. PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Inden Kerja/Pesanan Tempatan.

.....
Tandatangan dan Cop Kontraktor/Wakil

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

- LOGO PTJ -

SURAT AKUAN PEMBIDA

Tajuk Sebutharga: **CADANGAN KERJA NAIKTARAF RUANG DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR**
 No. Sebutharga : **PHB/LT/BP/33025/ 2/2018**

Saya,.....nombor K.P.....yang mewakili nombor Pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)*..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Universiti Teknologi Malaysia** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Universiti Teknologi Malaysia** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
 Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Cop Syarikat : _____

- LOGO PTJ -

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Tajuk Sebut Harga: **CADANGAN KERJA NAIKTARAF RUANG DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR**

No. Inden Kerja: _____

Saya, nomor K.P. yang mewakili nomor Pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) *..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain dalam **Universiti Teknologi Malaysia** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Universiti Teknologi Malaysia** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Cop Syarikat : _____

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
JOHOR BAHRU, JOHOR

BORANG SEBUTHARGA

Pembekal/Penyebut Harga :

Alamat :

.....

No. Rujukan Pendaftaran:

Tarikh:

(Alamat PTJ)

Tuan,

No. Sebutharga : PHB/SH/...../...../2018/.....

Tajuk : KERJA-KERJA DI UNIVERSITI TEKNOLOGI
MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR

Saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk menjalankan kerja-kerja tersebut dengan menepati segala peruntukan dalam naskah sebut harga bagi jumlah wang pukal sebanyak Ringgit Malaysia :

.....
(RM.....). Saya selanjutnya bersetuju untuk menyiapkan kerja-kerja tersebut dalam masa _____ () minggu dari tarikh mula kerja sepertimana yang akan ditetapkan di dalam Inden Kerja.

2. Saya seterusnya setuju untuk menjelaskan Bon Perlaksanaan (bagi sebut harga yang melebihi RM200,000.00) dengan cara * :-

i. * Jaminan Bank/ Insurans

ii. * Wang Tunai/ Bank Draf

iii. * Wang Jaminan Perlaksanaan

* Sila tandakan / pada petak pilihan yang berkenaan

3. **Tempoh Sahlaku Sebut Harga** adalah 90 hari dari tarikh tutup Sebut Harga.

.....
(Tandatangan & Cop Syarikat)

Nama :

Atas sifat :

No. Telefon :

No. Tel. Bimbit :

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama :

Pekerjaan :

Alamat :

.....

RINGKASAN HARGA SEBUT HARGA

**CADANGAN KERJA NAIKTARAF.....DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,
JOHOR BAHRU, JOHOR**

BIL	PERKARA	DARI M/S	JUMLAH (RM)
1.0	Bahagian A Kerja-Kerja Awalan	PH/3	
2.0	Bahagian B Kerja-Kerja Senibina	PH/5	
3.0	Lain-lain kerja yang tidak dinyatakan tetapi perlu untuk menyiapkan kerja tersebut :- a. _____ b. _____ c. _____	Harga Pukal Harga Pukal Harga Pukal	
JUMLAH HARGA DI BAWA KE BORANG SEBUT HARGA			

.....
(Tandatangan & Cop Syarikat)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama :

Nama :

Atas Sifat :

Pekerjaan :

No. Telefon :

Alamat :

No. Fak :

.....

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
JOHOR BAHRU, JOHOR**

BK-Pindaan 02
2 Mac 2016

PECAHAN HARGA

NO. SEBUT HARGA : PHB/LT/BP/33025/2/2018

**TAJUK KERJA : CADANGAN KERJA NAIKTARAF DI UNIVERSITI
TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR**

NOTA:

- 1) Kerja-kerja yang dinyatakan di dalam sebut harga ini hendaklah mengikut Spesifikasi Piawai (JKR) sila rujuk di kaunter (**Alamat PTJ**) untuk kerja-kerja binaan Bangunan dan Elektrik, arahan kepada penyebut harga, syarat-syarat sebut harga, skop kerja, spesifikasi tambahan, arahan-arahan pembuat/ pembekal (jika ada) dan butiran-butiran di dalam lukisan sebut harga.
- 2) Kontraktor perlu melawat tapak bina bagi memahami skop kerja dan halangan-halangan yang ada.
- 3) Harga yang ditawarkan hendaklah meliputi semua perkara untuk menjalankan kerja-kerja ini dan jika didapati ada perkara yang tidak dihargakan ianya akan dianggap dikira dan telah termasuk dalam butiran-butiran lain.
- 4) Bagi kerja-kerja yang merupakan kuantiti sementara, harga muktamad adalah berdasarkan kuantiti sebenar di tapak di mana pengukuran semula akan dibuat setelah kerja-kerja tersebut siap dilaksanakan. (Jika berkaitan)
- 5) Penyebut harga hendaklah bersetuju harga yang ditawarkan di dalam Pecahan Harga akan diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Inden tentang kemunasabahannya tetapi jumlah wang pukal yang terdapat pada Borang Sebut Harga adalah tidak berubah.
- 6) Semua bahan yang dibekal dan akan dipasang hendaklah mendapat kelulusan SIRIM QAS atau IKRAM sekiranya tidak dinyatakan secara terperinci di dalam butiran kerja dan spesifikasi tambahan.
- 7) Semua kerja-kerja yang dilaksanakan di tapak mestilah mematuhi Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) & Akta Kilang & Jentera 1967 (Akta 139) serta peraturan-peraturan semasa UTM.
- 8) Kerja-kerja yang dijalankan adalah berdasarkan kepada Lukisan No :-
 - a) UTM.J/BP-PHB/FS/2016/01 HELAIAN 01/06
 - b) UTM.J/BP-PHB/FS/2016/02 HELAIAN 02/06
 - c) UTM.J/BP-PHB/FS/2016/03 HELAIAN 03/06
 - d) UTM.J/BP-PHB/FS/2016/04 HELAIAN 04/06
 - e) UTM.J/BP-PHB/FS/2016/05 HELAIAN 05/06
 - f) UTM.J/BP-PHB/FS/2016/06 HELAIAN 06/06

BIL	BUTIRAN KERJA	HARGA PUKAL (RM)
	<p>BAHAGIAN A</p> <p>Kerja-Kerja Awalan</p> <p>1 Bon Perlaksanaan (bagi sebut harga melebihi RM200,000.00)</p> <p>2 Kos Insurans Pampasan Pekerja</p> <p>3 Insurans Tanggungan Awam</p> <p>4 Insurans Kerja</p> <p>5 Kerja-kerja pembersihan kawasan kerja daripada sisa binaan/ sisa buangan ke dalam roro tank/tong sampah sementara yang disediakan sendiri oleh kontraktor (jika berkenaan). Roro tank/tong sampah hendaklah dikosongkan mengikut keperluan dan setelah siap kerja ke tapak pelupusan ke kawasan luar kampus yang dibenarkan oleh UTM/PBT. Roro tank/tong sampah sementara hendaklah dikeluarkan dari tapak binaan apabila kerja siap.</p> <p>6 Menyedia dan melaksanakan langkah-langkah keselamatan/ kesihatan (health & safety) di tapak yang perlu dan mencukupi, sepertimana keperluan OSHA serta akta berkaitan dan langkah-langkah lain yang perlu sebagaimana Arahan Pegawai Inden seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Peralatan perlindungan diri yang lengkap dan sesuai dengan kerja yang hendak dilaksanakan seperti pakaian, topi dan but keselamatan ii) Pita keselamatan dan papan tanda keselamatan untuk mengasingkan kawasan kerja dan kawasan laluan iii) Kontraktor dikehendaki mengemukakan lesen dan sijil-sijil berkaitan seperti lesen memandu, lesen kompeten dan sijil perakuan mesin untuk melaksanakan kerja-kerja seperti berikut :- <ul style="list-style-type: none"> a) Kerja-kerja memasang perancah b) Kerja ruang terkurung c) Pengendali jentera/mesin iv) Lain-lain peralatan atau keperluan keselamatan lain yang bersesuaian untuk melaksanakan kerja <p>7 Melantik Penyelia Keselamatan (Safety Supervisor) untuk kategori kerja seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Nilai sebut harga melebihi RM100,000 atau b) Tempoh siap kerja melebihi enam (6) minggu atau c) Dalam hal-hal lain, pengecualian keperluan Penyelia Keselamatan (Safety Supervisor) adalah tertakluk kepada kelulusan Pegawai Inden 	NIL
	JUMLAH DIBAWA KEHADAPAN	

BIL	BUTIRAN KERJA	HARGA PUKAL (RM)
	JUMLAH DIBAWA DARI BELAKANG	
8	Menyedia dan menyerahkan tiga (3) set Jadual Perancangan Kerja dalam bentuk bar chart atau CPM (tertakluk kepada kelulusan Pegawai Inden atau wakilnya) dan tiga (3) set Laporan Kemajuan Kerja lengkap dengan gambar sebelum, semasa (mengikut keperluan) dan selepas siap kerja dilaksanakan kepada Pegawai Inden atau Wakilnya.	
9	Menyediakan kemudahan dan keperluan yang diperlukan untuk mesyuarat tapak/teknikal/penyerahan tapak.	
10	Membina 'hoarding' dari jenis 'metal deck'/'plywood' atau <u>yang diliuskan oleh Pegawai Inden, sekurang-kurangnya meter tinggi</u> dengan kenyataan "Utamakan Keselamatan Dan Patuh Peraturan" dan tanda-tanda keselamatan yang berkaitan. (Jika Perlu)	NIL
11	Bekalan sementara elektrik dan air yang digunakan untuk menyiapkan kerja di tapak bina. (Jika Perlu).	
12	Melantik Penyelia Tapak untuk kerja penyeliaan di tapak bina semasa kerja-kerja dilaksanakan.	
13	Membina papan tanda kerja mengikut spesifikasi (piawaian UTM) dari papan lapis dan bercat, saiz berukuran 3'0" x 3'0" untuk kerja Gred G1 dan saiz 4'0" x 5'0" untuk kerja Gred G2 dengan teks sepertimana yang dilampirkan serta lain-lain kerja berkaitan sebagaimana spesifikasi.	
14	<u>Menyediakan stor simpanan barang kontraktor dan berkunci.</u>	NIL
15	Kontraktor hendaklah sentiasa menjaga dan memelihara "adjoining property" dan memastikan ia berada seperti dalam keadaan asal setelah kerja siap dilaksanakan.	
16	Membekal dan menyenggara pejabat tapak dari jenis kabin <u>bersaiz 20' x 10'</u> lengkap dengan kemudahan elektrik dan air <u>serta hawa dingin</u> , perabot dan menyediakan sebuah papan <u>kenyataan</u> . Kontraktor dikehendaki mengalihkan dan membawa <u>keluar kabin ini</u> selepas siap kerja.	NIL
	* Bagi kerja sebut harga Gred G2 sahaja	
17	Menyedia dan menguruskan penjilidan (hard cover) <u>minimum 3 set</u> Dokumen Kontrak bagi kontrak <u>perkhidmatan berpenggal</u> (term contract) melebihi RM50,000.00 termasuk dengan kos duti setem.	NIL
18	Menyediakan pakaian beruniform dan memastikan <u>pekerja-pekerja</u> sentiasa memakai pakaian uniform semasa <u>melaksanakan kerja-kerja di tapak bina</u> .	NIL
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RS/1)	

**CADANGAN KERJA NAIKTARAF DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR
BAHRU, JOHOR**

BIL.	BUTIRAN KERJA	UNIT	JUMLAH (RM)
	<u>BAHAGIAN B</u> <u>KERJA-KERJA SENIBINA</u> <p>1. DINDING DAN KEMASAN</p> <p>1.1 Kerja membina dan menyiapkan dinding batu bata bersaiz 6400mm x 3000mm dengan 19mm tebal lepaan simen pada kedua-dua belah permukaan dan lain-lain kerja berkaitan sebagaimana dinyatakan dalam spesifikasi, lukisan dan arahan Pegawai Inden.</p> <p>Rujuk lukisan: UTM.J/BP-PHB/FS/2016/02 Helaian 02/06</p> <p>1.2 Kerja mengecat dinding baru berlepa luar bangunan daripada 1 lapisan cat asas dan 2 lapisan cat rintangan cuaca berkualiti tinggi serta lain-lain kerja berkaitan sebagaimana spesifikasi, lukisan dan arahan Pegawai Inden.</p> <p>Rujuk lukisan: UTM.J/BP-PHB/FS/2016/02 Helaian 02/06</p> <p>1.3 Kerja mengecat dinding baru berlepa dalaman bangunan daripada 1 lapisan cat asas dan 2 lapisan cat emulsi serta lain-lain kerja berkaitan sebagaimana spesifikasi, lukisan dan arahan Pegawai Inden.</p> <p>Rujuk lukisan: UTM.J/BP-PHB/FS/2016/02 Helaian 02/06</p> <p>2. KERJA PINTU</p> <p>2.1 Kerja membekal dan memasang pintu kayu dua daun bersaiz 2100mm x 1500mm tinggi termasuk rangka pintu, <i>lockset, door handle, door closer, door stopper, ironmongery, r.c lintol</i> dan lain-lain aksesori serta kerja-kerja mengecat dan lain-lain kerja berkaitan sebagaimana spesifikasi, lukisan dan arahan Pegawai Inden.</p> <p>Rujuk lukisan: UTM.J/BP-PHB/FS/2016/02 Helaian 02/06</p> <p>3. KERJA TINGKAP</p> <p>3.1 Kerja membekal dan memasang tingkap kaca jenis 'top hung' bersaiz 1800mm x 1700mm tinggi termasuk rangka tingkap, <i>r.c lintol</i> dan lain-lain aksesori serta lain-lain kerja berkaitan sebagaimana spesifikasi, lukisan dan arahan Pegawai Inden.</p> <p>Rujuk lukisan: UTM.J/BP-PHB/FS/2016/02 Helaian 02/06</p> <p>4. KERJA AWNING</p> <p>4.1 Kerja membekal dan memasang bumbung (awning) daripada jenis 5mm tebal <i>solid polycarbonate</i> termasuk kerja-kerja kerangka besi serta lain-lain kerja berkaitan sebagaimana spesifikasi, lukisan dan arahan Pegawai Inden.</p> <p>Rujuk lukisan: UTM.J/BP-PHB/FS/2016/03 Helaian 03/06</p>	Harga Pukal	
	JUMLAH DI BAWA KE HADAPAN		

**CADANGAN KERJA NAIKTARAF DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR
BAHRU, JOHOR**

BIL.	BUTIRAN KERJA	UNIT	JUMLAH (RM)
	JUMLAH DI BAWA DARI BELAKANG		
5.	'CONCRETE COUNTER TOP'		
5.1	Membekal, membina dan menyiapkan <i>counter top</i> saiz keseluruhan 1900mm X 600mm X 900mm tinggi yang mengandungi 100mm tebal <i>concrete counter top</i> dengan kemasan <i>homogeneous tile</i> bersaiz 300mm X 300mm, <i>stainless steel double bowl</i> termasuk <i>brass lever elbow tap</i> , <i>PVC bottle trap</i> dan lain-lain aksesori yang berkaitan termasuk 15mm tebal <i>laminated MDF panel cabinet door</i> , membekal dan memasang pintu dan <i>adjustable shelve cabinet</i> , <i>stainless steel handle</i> , 300mm X 300mm <i>ceramic wall tiles</i> dan lain-lain kerja yang berkaitan sepetimana yang ditunjukkan di dalam spesifikasi, lukisan dan arahan Pegawai Inden.	Harga Pukal	
	<i>Rujuk lukisan: UTM.J/BP-PHB/FS/2016/01 Helaian 01/06 , UTM.J/BP-PHB/FS/2016/02 Helaian 02/06 dan UTM.J/BP-PHB/FS/2016/04 Helaian 04/06</i>		
	BUILT-IN CABINET COUNTER TOP		
5.2	Membina dan menyiapkan kabinet pasang siap berkerangka kayu 50mm tebal <i>compacted timber countertop with formica laminated finish</i> berukuran 1050mm x 600mm x 900mm tinggi termasuk membekal <i>single bowl stainless steel sink</i> termasuk <i>brass lever elbow tap</i> , <i>pvc bottle trap</i> , <i>stainless steel handle</i> dan lain-lain kerja yang berkaitan sepetimana yang ditunjukkan di dalam spesifikasi, lukisan dan arahan Pegawai Inden.	Harga Pukal	
	<i>Rujuk lukisan: UTM.J/BP-PHB/FS/2016/05 Helaian 05/06 dan UTM.J/BP-PHB/FS/2016/06 Helaian 06/06</i>		
6.	PAIP BEKALAN AIR Kerja-kerja membekal dan memasang paip air bekalan 30mm dia. jenis UPVC termasuk kelengkapan berkaitan dan lain-lain kerja sebagaimana dinyatakan dalam spesifikasi, lukisan dan arahan Pegawai Inden.	Harga Pukal	
	<i>Rujuk lukisan: UTM.J/BP-PHB/FS/2016/03 Helaian 04/06 & UTM.J/BP-PHB/FS/2016/05 Helaian 06/06</i>		
7.	PAIP BUANGAN Kerja-kerja membekal dan memasang paip air buangan 50mm dia. dan 10mm panjang (expose) jenis UPVC termasuk kelengkapan berkaitan dan lain-lain kerja sebagaimana dinyatakan dalam spesifikasi, lukisan dan arahan Pegawai Inden.	Harga Pukal	
	<i>Rujuk lukisan: UTM.J/BP-PHB/FS/2016/03 Helaian 04/06 & UTM.J/BP-PHB/FS/2016/05 Helaian 06/06</i>		
	JUMLAH DI BAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RS/1)		

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

1.0 LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA

Bahagian A

1. Nama :
2. Alamat :
3. No. Telefon: No. Fax :
4. **Pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**
No. Pendaftaran:
Tempoh Sahlaku : Dari Hingga
Gred : Kategori :
Pengkhususan :
.....
5. Jika berdaftar Taraf Bumiputera, nyatakan :
Tempoh Sahlaku : Dari Hingga
6. Bagi Syarikat Sdn. Bhd. / Perkongsian nyatakan:
 - i) Modal dibenarkan : RM.....
 - ii) Modal dibayar : RM.....
7. Ahli-ahli Syarikat:
 - i) Ahli-ahli Lembaga Pengarah / Perkongsian

Nama	Jawatan	Saham/Modal Dipegang

- ii) Ahli-ahli Pengurusan/ Kepala-kepala / Pekerja-pekerja

Nama	Jawatan	Kelulusan/Pengalaman/ Pengkhususan

Bahagian B

1. Senarai Kerja-kerja Yang **TELAH** disiapkan dalam tempoh **tiga (3) tahun** kebelakangan.

Bil	Nama Projek	Agensi yang Mengawasi Projek	Harga (RM)	Tempoh	Tarikh Mula	Tarikh Siap Sebenar
		Agensi: Alamat : Nama Pegawai : No. Tel/Faks:				

2. Senarai Kerja-kerja Yang **SEDANG** dilaksanakan

Bil	Nama Projek	Agensi yang Mengawasi Projek	Harga (RM)	Tempoh	Tarikh Mula	Tarikh Siap Sebenar
		Agensi: Alamat : Nama Pegawai : No. Tel/Faks:				

Catatan :-

Sila kembarkan lampiran sekiranya jadual di atas tidak mencukupi. Penyebut harga digalakkan memberi maklumat-maklumat lain selain di atas dan atau kembaran yang berkaitan bagi menerangkan pengalaman mereka.

Maklumat tersebut di atas disahkan.

Tandatangan Dan Cop Penyebut Harga :

Tel: +(6)07-5530086 Faks: +(6)07-5582877/5566166/5530575 <http://assets.utm.my>

RUJUKAN KAMI :

RUJUKAN TUAN :

Ruj. UTM.J.05.01/16.11

Tarikh :

.....
.....
.....
.....
.....

(sila lengkapkan nama dan alamat syarikat)

Tuan,

**CADANGAN KERJA NAIKTARAF DI UNIVERSITI TEKNOLOGI
MALAYSIA, JOHOR BAHRU, JOHOR**

NO. SEBUT HARGA : PHB/LT/BP/33025/ /2018

- Pemberitahuan Sebut Harga Tidak Berjaya

Merujuk penyertaan syarikat tuan untuk sebut harga di atas, dukacita dimaklumkan bahawa sebut harga tuan adalah tidak berjaya.

Pejabat mengucapkan terima kasih di atas penyertaan syarikat tuan dalam sebut harga tersebut dan berharap syarikat tuan akan dapat menyertai lain-lain sebut harga yang dikeluarkan oleh pejabat ini pada masa akan datang.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara”

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(Nama & Jawatan Pegawai Bertanggungjawab)

LAMPIRKAN LUKISAN LAKARAN